



27 Januari 2017
27 January 2017
P.U. (A) 38

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) (ASEAN) 2017

INTERNATIONAL ORGANIZATIONS (PRIVILEGES AND IMMUNITIES) (ASEAN) REGULATIONS 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 1992

**PERATURAN-PERATURAN ORGANISASI ANTARABANGSA
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) (ASEAN) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) dan 4(1) dan seksyen 11 Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 [Akta 485], Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (ASEAN) 2017**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"ASEAN" ertinya Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara dan termasuklah Organ ASEAN;

"Negara-Negara Anggota ASEAN" ertinya Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand and Republik Sosialis Viet Nam;

"Organ ASEAN" ertinya organ yang ditubuhkan oleh ASEAN yang dinyatakan dalam Jadual;

"pegawai tinggi" ertinya seseorang yang memegang jawatan, atau yang melaksanakan tugas, ketua eksekutif bagi setiap Organ ASEAN.

Ketidakpakaian

3. Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi seseorang pegawai tinggi dan seseorang (yang bukan pegawai tinggi) yang memegang jawatan dalam mana-mana Organ ASEAN, yang merupakan pegawai tempatan dan ditugaskan mengikut kadar jam.

Pengisytiharan ASEAN menjadi organisasi antarabangsa

4. ASEAN diisyiharkan menjadi suatu organisasi antarabangsa yang baginya seksyen 4 Akta terpakai.

Keperibadian juridikal

5. ASEAN hendaklah mempunyai keperibadian juridikal dan keupayaan—

(a) untuk membuat kontrak;

(b) untuk memperoleh dan melupuskan harta alih dan harta tak alih; dan

(c) untuk memulakan, dan membela dirinya dalam, prosiding undang-undang.

Keistimewaan dan kekebalan ASEAN

6. ASEAN hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta.

Keistimewaan dan kekebalan pegawai tinggi

7. Seseorang pegawai tinggi hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kedua kepada Akta.

Keistimewaan dan kekebalan orang yang ditauliahkan kepada, atau yang hadir di persidangan antarabangsa yang diadakan oleh, ASEAN

8. Seseorang yang ditauliahkan kepada, atau yang hadir di sesuatu persidangan antarabangsa yang diadakan oleh, ASEAN sebagai wakil—

- (a) suatu Negara Anggota ASEAN selain Malaysia;
- (b) suatu organisasi antarabangsa yang lain; atau
- (c) suatu organisasi seberang laut,

hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga kepada Akta.

Keistimewaan dan kekebalan orang (yang bukan pegawai tinggi) yang memegang jawatan dalam mana-mana Organ ASEAN

9. Seseorang (yang bukan pegawai tinggi) yang memegang jawatan dalam mana-mana Organ ASEAN hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat kepada Akta.

Keistimewaan dan kekebalan orang yang sedang melaksanakan misi bagi pihak ASEAN

10. Seseorang yang sedang melaksanakan suatu misi bagi pihak ASEAN hendaklah mempunyai semua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Kelima kepada Akta.

Penepian

11. (1) Negara-Negara Anggota ASEAN hendaklah mempunyai hak untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada ASEAN daripada apa-apa proses undang-undang selain pelaksanaannya.

(2) Sesuatu Negara Anggota ASEAN hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada—

- (a) seseorang pegawai tinggi; dan
- (b) seseorang (yang bukan pegawai tinggi) yang memegang jawatan dalam mana-mana Organ ASEAN,

jika, pada pendapat Negara Anggota ASEAN itu, kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan ASEAN.

(3) Sesuatu Negara Anggota ASEAN selain Malaysia atau pihak berkuasa yang berkenaan bagi suatu organisasi antarabangsa yang lain atau suatu organisasi seberang laut hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada seseorang yang ditauliahkan kepada, atau yang hadir di suatu persidangan antarabangsa yang diadakan oleh, ASEAN sebagai wakil—

- (a) Negara Anggota ASEAN itu;
- (b) organisasi antarabangsa itu; atau
- (c) organisasi seberang laut itu,

jika, pada pendapat Negara Anggota ASEAN atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjaskan maksud yang baginya kekebalan itu diberikan.

(4) Setiausaha Agong ASEAN hendaklah mempunyai hak dan kewajipan untuk mengetepikan kekebalan yang diberikan kepada mana-mana anggota kakitangan Sekretariat ASEAN, atau seseorang yang sedang melaksanakan suatu misi bagi pihak ASEAN, jika, pada pendapat Setiausaha Agong ASEAN, kekebalan itu akan menghalang proses keadilan dan boleh diketepikan tanpa menjaskan kepentingan ASEAN.